

Soalan 1 – 3

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Media massa memainkan peranan penting untuk menyuburkan _____ meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.
A dan C kerana
B dengan D antara
- 2 Selain mempertahankan negara, Angkatan Tentera Malaysia juga menghulurkan bantuan _____ masyarakat.
A pada C kepada
B terhadap D bagi
- 3 Para _____ sanggup berkorban demi negara Malaysia yang tercinta.
A ilmuwan
B perajurit
C usahawan
D sukarelawan

Soalan 4 – 6

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 4 Generasi muda perlu dipupuk dan disemaikan ^A budaya kesukarelawanan ^B agar mereka mampu tampil menghulurkan bantuan ^C apabila diperlukan. Tiada kesalahan. D
- 5 Mereka berasa bangga akan pengorbanan ^A wira negara yang mempertahankan ^B negara daripada ancaman komunis. Tiada kesalahan. C D

- 6 Hari Pahlawan diadakan ^A bagi mengenang ^B jasa-jasa pahlawan negara. Tiada kesalahan. C D

Soalan 7

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 7 Usaha pembentukan akal dan sahsiah yang terpuji dalam kalangan remaja memerlukan komitmen yang tinggi oleh remaja itu sendiri.
A perlukan komitmen yang tinggi oleh remaja
B memerlukan komitmen yang tinggi dari remaja
C memerlukan komitmen yang tinggi daripada remaja
D memerlukan komitmen yang tinggi oleh remaja

Soalan 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 8 I Remaja unggul adalah remaja yang mempunyai personaliti yang matang.
II Remaja memerlukan bimbingan dan perancangan terarah untuk mereka melaksanakan aktiviti berfaedah.
III Golongan remaja mampu memberikan sumbangan kepada negara.
IV Remaja perlu sedar bahawa mereka ialah aset yang amat bernilai untuk negara.
A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

Ulasan
Jawapan PT3 2019

Sistem Bahasa Bahagian A – Soalan 5 Jawapan ialah A. Kata kerja transitif aktif memastikan mesti diikuti oleh objek. Kata hubung supaya tidak diperlukan dalam ayat tersebut.